The most important thing is the campus looks very clean and systematic. Such attitudes will be good examples that we can follow and educate our students.The students are not allowed to bring any transport such as motorbikes or cars except bicycles in the campus. In fact, they are only allowed to walk within campus areas, and practised also among their lecturers and staff. All the bicycles can only be parked at the side of the building, so the main roads and the entrance building will always clear and clean.

We really hope that this bench-marking trip is helping UiTMS in some way to gain good experience and knowledge as well as exposure to see how far we can go as compared to other universities in Asia.





MINGGU MESRA SISWA
SESI JULAI / DISEMBER 2007

Oleh : Nur Aida Kipli

Alhamdulillah, penganjuran Program Minggu Mesra Siswa yang merupakan aktiviti tahunan universiti ini telah berjaya dilaksanakan. Program ini telah diadakan pada 30 Julai sehingga 5 Jun 2007 dan dianjurkan khas buat pelajar baru yang bakal menempa alam universti yang semestinya penuh dengan cabaran intelektual. Program ini telah dianjurkan oleh bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan bantuan dari Pembantu Minggu Mesra Siswa (PMMS) yang terdiri seramai 120 orang pelajar dari pelbagai fakulti. MMS ini bertujuan untuk mendedahkan budaya intelektual dan asimilasi budaya dengan pemfokusan kepada nilai-nilai intipati agama dan pengisian sifat kepimpinan serta yakin kepada kemampuan diri. Oleh yang demikian, LDK yang dirancangkan telah diserapkan dengan nilai-nilai yang mampu memupuk kepimpinan dan keyakinan mereka sama ada dari bidang akademik dan kehidupan seharian dikampus selaras dengan matlamat untuk mengimpikan 'Mahasiswa Tunjang Modal Insan'.

Majlis Anugerah Pelajar CEMERLANG

Oleh : M. Hasimi Abdullah

Kehadiran YBhg. Prof Dr. Mustaffa Mohamed Zain, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan sebagai tetamu kehormat telah memeriahkan lagi majlis penganugerahan tersebut. Majlis yang diadakan pada 17 Ogos 2007 itu merupakan aktiviti tahunan setiap semester bertujuan untuk meraikan para pelajar cemerlang dari semua program yang telah mendapat Anugerah Naib Canselor dan Anugerah Dekan. Turut hadir di majlis tersebut adalah YBhg. Prof Madya Dr. Jamil Hj. Hamali, Prof Madya Dr.Hjh Fatimah Bujang, ketua-ketua program serta koordinator – koordinator kursus. Tahniah diucapkan kepada mereka yang telah berjaya menunjukkan prestasi yang begitu cemerlang.



PAMERAN
HARTA INTELEK



Oleh : Suriani Jack

Pada 19 Ogos 2007 (Ahad), Persatuan Pengurusan Maklumat INFORMS telah mengadakan aktiviti Hari Kesedaran Intelek yang bertemakan "Harta Intelek, Harta Kita". Objektif aktiviti ini adalah untuk mendedahkan kepada pelajar perkembangan terkini mengenai bidang Pengurusan Maklumat dan Ilmu Pengetahuan. Selain daripada itu pensyarah dan para pelajar telah membentangkan hasil kajian dan penyelidikan di bawah tema "Hari Kesedaran Harta Intelek". Terdapat lima buah kaunter pameran yang mengambil bahagian seperti "Trademark", "Patent", "Copyright", "Industrial Design" dan kaunter Perbadanan Harta Intelek Cawangan Sarawak (MyIPO). Walaupun aktiviti ini diadakan pada hujung minggu namun sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada para pelajar dan pensyarah.

Pesta Sarawak Regatta

Buat julung kalinya Fakulti Senilukis & Senireka (FSSR) UiTM Sarawak telah mengambil bahagian di dalam Pesta Sarawak Regatta 2007 untuk acara Lintas Hormat, di Waterfront, Kuching. Penyertaan mereka berbaloi apabila telah memenangi kategori bot terbaik & bot kreatif. Pada acara tersebut, lebih kurang 40 penyertaan dari pelbagai pihak & jabatan termasuk Fakulti Senilukis & Senireka, (FSSR) UiTM Sarawak serta IPTA dan IPTS yang lain.

Lintas Hormat tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Bin Mahmud & beberapa orang menteri, Residen bahagian Kuching, Controller Lembaga Sungai-sungai Sarawak dan Pengarah Kampus UiTM Sarawak, Prof. Madya Dr. Hj. Jamil bin Hj Hamali.

Acara tersebut bermula pada pukul 11 pagi & tamat pada jam 12 tengahari. Peserta dibawa berarak beramai-ramai secara perlahan-lahan dari Holiday Inn Kuching hingga ke pentas VIP. Acara tersebut telah disaksikan lebih kurang 30 ribu orang ramai di sepanjang Sungai Sarawak dan Waterfront, Kuching.

Untuk mengambil bahagian dalam acara ini, pelajar-pelajar Fakulti Senilukis & Senireka, (FSSR) UiTM Sarawak telah bertungkus-lumus selama 3 hari mengecat dan menghias bot dengan kerjasama pensyarah-pensyarah fakulti itu, iaitu En. Najib Mat Noor, Cik Wan Samiati, Cik Suzani Azmin dan Ketua Program, Pn. Halina Amin yang bersama-sama turun padang dan memberi sokongan serta komitmen sepenuhnya untuk menjayakan acara tersebut. Bot-bot tersebut telah dihias bermotifkan rekabentuk bendera Malaysia dan sebuah lagi berkonsepkan seekor naga. Seramai 40 orang pelajar yang dibahagi kepada 2 kumpulan (20 orang untuk setiap bot) menggunakan pakaian tradisional dan pakaian kreatif iaitu dengan menggunakan kain berwarna merah, tali pinggang hitam & pengikat kepala berwarna kuning. Pelajar-pelajar juga telah mewarnakan muka mereka dengan warna-warna bendera Malaysia untuk melambangkan semangat mereka menyertai acara tersebut.

Untuk Pesta Regatta Sarawak pada tahun-tahun yang akan datang, diharap ia mendapat lebih banyak sambutan dengan penyertaan dari fakulti-fakulti lain dari UiTM Sarawak bagi memeriahkan lagi acara tersebut sekaligus menaikkan dan mempromosikan nama UiTM Sarawak kepada orang ramai.

Oleh: Suzani Azmin



MISI AKADEMIK II
FAKULTI SAINS PENTADBIRAN & PENGAJIAN POLISI
1 NOVEMBER 2007

Oleh: Nur Aida Kipli

Misi akademik ini bertujuan untuk mengadakan sesi dialog bersama kesemua para pensyarah dibawah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi iaitu yang mengajar program Diploma Pentadbiran Awam (AM110) dan Program Sarjana Muda (Kep) Sains Pentadbiran. Dialog ini adalah amat penting agar penyampaian maklumat terkini berkaitan fakulti dan permasalahan yang dihadapi oleh para pensyarah yang mengendalikan program berkenaan dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan segera oleh pihak fakulti. Misi akademik ini telah disertai oleh PM Dr. Nooraini Mohamed Ismail (Dekan FSPPP), PM Rozalli Hashim (Timbalan Dekan FSPPP), PM Dr Jasmine Ahmad (Koordinator Siswazah), PM Norhayati Md Salleh (Ketua Program AM110), PM Nabilla, Cik Yarina Ahmad (Ketua Program AM228), Cik Norziana Lokman (Ketua Koordinator Pentadbiran) dan Cik Salmiwati Othman (Pen. Pendaftar).

Misi ini telah dimuatkan dengan sesi dialog bersama semua pensyarah yang hadir dan taklimat ringkas berkaitan dengan perkembangan program telah disampaikan oleh Cik Noni Harianti selaku Ketua Program Diploma Pentabdiran Awam dan Tn Hj Saudi selaku Ketua Program untuk Pengajian Sarjana Muda. Antara isu yang telah dibincangkan adalah mengenai pengendalian kerja kursus oleh para pensyarah, pengendalian untuk ujian pertengahan semester, pengendalian validasi keputusan peperiksaan, pengambilan pelajar, penggunaan bahan rujukan, contoh soalan-soalan ujian, contoh kertas peperiksaan semester lepas yang telah diperiksa serta masalah-masalah yang berbangkit. Misi ini telah banyak menyumbang segala keperluan yang diperlukan oleh tenaga pensyarah terutamanya di kampus cawangan.



Ketua Program AM 110, Cik Noni Harianti dan Ketua Program AM 228, Tn. Hj Saudi sedang khusyuk mendengar maklumbalas daripada pensyarah



Dekan FSPPP, Prof.Madya Dr. Noraini bt Md. Ismail

Kursus Asas KEUSAHAWANAN SISWAZAH 13 - 18 November 2007

Oleh : Nur Aida Kipli

Kursus yang dianjurkan oleh pihak MEDEC (Malaysia Entrepreneur Development Center) dan Ministry of Corporative Development Malaysia ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar menjadi seorang usahawan yang berjaya. En. Abg Zainoren Abg. Abdurrah selaku Koordinator MEDEC turut menyatakan bahawa kursus tersebut mampu mempamerkan pelbagai sistem sokongan perniagaan dari agensi pusat dan kerajaan serta membolehkan para pelajar berkongsi pengalaman dalam erti dunia usahawan yang sebenar, khususnya.

Segala kemudahan kursus seperti penginapan, makanan dan "course material" telah disediakan oleh pihak penganjur tanpa mengenakan sebarang bayaran. Kursus tersebut telah dirasmikan oleh YB Noraden Hj. Majais dengan disertai oleh para pelajar tahun akhir dari Bahagian 6, khususnya. Kursus ini juga turut dihadiri bersama oleh Pengarah Kampus kita, YBhg. Prof Madya Dr. Jamil Hj. Hamali, Ketua-ketua jabatan dari kedua-dua agensi pusat dan kerajaan, Ketua-ketua Program serta bahagian Hal Ehwal Akdemik. Namun begitu, En. Abg. Zainoren telah menyatakan bahawa pelbagai perancangan telah diatur untuk masa akan datang seperti program "Training for Trainer" untuk kesemua staf UiTM nanti.

HARI KITAR SEMULA EDISI KE-2
PERSATUAN KESIHATAN PERSEKITARAN







Oleh : Nor Aqilah Bt Mohamad Alias

Pada 11 Ogos 2007 yang lalu, Persatuan Kesihatan Persekitaran telah menganjurkan 'Hari Kitar Semula' Edisi ke-2 yang bertempat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Samarahan. Program ini dirasmikan oleh wakil bahagian HEP, Encik Haziz Wahab. Seramai 41 orang ahli persatuan yang telah menjayakan program ini, di bawah pimpinan Ketua Program Sains Kesihatan, En Wan Abdul Rahim Bin Wan Ahmad. Idea untuk mengadakan program ini adalah kesinambungan daripada 'Hari Kitar Semula' Edisi Pertama. Program ini telah mendapat peruntukan dari pihak UiTMS dan tabung persatuan.

Program ini telah diadakan dengan jayanya di mana sambutan yang diberikan amat menggalakkan berbanding sebelum ini. Kira-kira 2483 orang telah mengambil bahagian di dalam program kitar semula ini.

Bahan-bahan kitar semula seperti tin, kertas, botol, dan sebagainya, telah dijual kepada Din Kargo. Hasilnya, sebanyak RM2500 telah diperolehi. Hasil penjualan tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun persatuan untuk menjalankan aktiviti lain pada masa akan datang.

Ahli Persatuan Kesihatan Persekitaran merasa amat berbangga dan bersyukur kerana berjaya meneruskan program ini buat kali yang kedua. Pada kali ini persatuan kami telah menerima 21 orang pelajar semester pertama dan ini menambahkan lagi semangat ahli persatuan untuk menjayakan program ini.

Sekalung budi dan terima kasih diucapkan kepada Ketua Program Sains Kesihatan, En. Wan Abdul Rahim Bin Wan Ahmad kerana sentiasa memberi semangat serta banyak membantu kami dalam melaksanakan program ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pensyarah di atas sokongan yang diberikan. Kami berharap agar program ini dapat diadakan lagi pada semester akan datang.

Malam Pra-Graduan
Sesi November 2007

Oleh : M. Hasimi Abdullah

Majlis ini telah diadakan di Hotel Crowne Plaza, Kuching dengan dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu YB Abg. Abdul Rahman Zohari bin Tun Abg Hj. Openg. Majlis anjuran bahagian Hal Ehwal Pelajar ini bertujuan untuk meraikan para pelajar tahun akhir yang bakal menamatkan pengajian mereka untuk semester tersebut. Majlis ini juga turut dihadiri oleh Pengarah Kampus kita, YBhg. Prof Madya Dr. Jamil Hj. Hamali, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik, Prof Madya Dr. Hjh. Fatimah Bujang, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, En. Abdul Jalil Lob serta Ketua-ketua Program dan seterusnya kakitangan – kakitangan bahagian yang turut dibantu oleh bahagian Hal Ehwal Pelajar bagi memastikan kelancaran majlis itu.



PAMERAN TENTERA *Gemilang*

Oleh Atikah Ramli



Bersempena dengan sambutan ulangtahun ke 50 Kemerdekaan, Perpustakaan UiTM Negeri Sarawak dengan kerjasama Tentera Darat Malaysia khasnya 1 Divisyen dan Briged Ketiga Infantri Malaysia serta Fakulti Pengurusan Maklumat telah berjaya menganjurkan Program Perwira Gemilang pada 3 dan 4 September 2007.

Antara objektif program ialah untuk memberi kesedaran tentang erti perjuangan dan pengorbanan para pejuang terdahulu dalam mencapai kemerdekaan, untuk mengeratkan hubungan diantara warga tentera dengan rakyat selain menyemarakkan semangat patriotisma serta jati diri di kalangan warga kampus.



Antara aktiviti yang menarik perhatian ialah Pameran Senjata dan Aset Tentera Darat Malaysia dan Bicara Pahlawan. Dua orang tokoh telah di jemput khas untuk berkongsi pengalaman dalam aktiviti "Bicara Pahlawan" iaitu PW1 (B) Kanang Anak Langkau penerima pingat Seri Pahlawan dan Lt Jen Dato' Effendi Bin Mustaffa, Panglima 1 Divisyen Infantri. Encik Jamalludin Sulaiman selaku Pengerusi Program amat berpuashati dengan sambutan yang amat menggalakkan warga kampus, penduduk sekitar Kota Samarahan serta pelajar-pelajar sekolah menengah yang berdekatan.







FESTIVAL Seni Budaya UiTM 2007

Oleh : Nur Aida Kipli

Baru -baru ini, Kontinjen UiTM SARAWAK telah memenangi tiga kategori dalam Festival Budaya yang telah berlangsung di UiTM Malaysia pada 26 November sehingga 2 Disember 2007. Kampus kita telah memenangi Anugerah Kostum Kreatif Terbaik, Anugerah Tarian Kreatif Terbaik serta Tempat ke-3 secara keseluruhannya dalam kategori tarian. Manakala untuk kategori teater, pelajar dari program EE111, Saudara Mohd Azlan bin Onn telah meraih Anugerah Pelakon Harapan Lelaki Terbaik dan diikuti pula dengan Anugerah Pelakon Harapan Wanita Terbaik telah dinobatkan kepada palajar dari program AM110, saudari Nur Ain binti Asmantor. Dan, kumpulan teater kita juga turut memenangi Anugerah Khas Juri Kumpulan Harapan dari pihak juri. Untuk kategori puisi pula, saudara Soffian Suliman, pelajar tahun akhir Program Sarjana Muda Sains Pentadbiran telah memenangi tempat ke-3 untuk kategori penyampaian puisi. Harapan semua adalah semoga pencapaian kali ini akan menjadi pemangkin kepada pelajar yang terlibat dalam seni budaya agar meningkatkan usaha di masa-masa mendatang di samping mendapat sokongan padu daripada semua pihak.

LAWATAN AKADEMIK KE LOJI PERAWATAN AIR BAYAI, SRI AMAN OLEH PELAJAR-PELAJAR FSPU

Oleh: Prof Madya Hj Jamaludin Bin Mohd Aris

Seramai 18 orang para pelajar Semester 02 Diploma Bangunan, FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN dan UKUR, UiTM Negeri Sarawak telah mengadakan lawatan akademik ke LOJI PERAWATAN AIR BAYAI, SRI AMAN pada hari Selasa 31 Julai 2007 yang lepas, dengan ditemani oleh pensyarah pengiring. Perjalanan dari kampus ke Loji Air Bayai mengambil masa lebih kurang tiga jam.

Rombongan kami telah disambut oleh Jurutera Bekalan Air, JKR Bahagian Sri Aman En. Oliver Ngabung dengan dibantu beberapa pegawai yang terdiri daripada seorang jurutera awam, seorang pembantu jurutera, seorang penguasa loji dan 5 orang petugas loji tersebut. Satu sesi taklimat telah diberikan kepada rombongan yang disusuli dengan sesi soal jawab, seterusnya lawatan ke loji. Dalam taklimatnya, En. Oliver Ngabung telah menerangkan latarbelakang bekalan air Bhg Sri Aman secara menyeluruh yang terdiri dari 10 buah loji air di sepuluh kawasan lembangan/tadahan air. Ia seterusnya diperincikan dengan penerangan mengenai kawasan tadahan bagi Loji Perawatan Air Bayai.

Rombongan kemudiannya dibawa melawat untuk melihat sambil mendengar taklimat lanjut mengenai proses rawatan yang dijalankan di sini. Walaupun loji air ini bersekala kecil (kapasiti 13 juta liter sehari) kalau dibandingkan dengan Loji Air Batu Kitang (kapasiti maksima 380 juta liter sehari) yang telah kami lawati pada 15 Februari 2006, ia merupakan nadi utama bekalan air kepada sejumlah 9000 sambungan berdaftar" di Pekan Sri Aman, Bayai, Batu Lintang, Temudok, Entulang dan Melugu.(unjuran setiap sambungan berdaftar = 5 pengguna). Rombongan turut diberitahu mengenai masalah bekalan air di kawasan ini termasok gangguan yang kerap berlaku di Loji Bayai yang sekarang beroperasi melampaui had kapasiti maksima pada kadar 130%, 24jam sehari. JKR Negeri Sarawak dilaporkan sedang dalam perancangan untuk membina satu lagi loji bagi kawasan Sri Aman sebagai tambahan kepada Loji Air Bayai.



Prof. Madya Hj. Jamaluddin menyampaikan cenderahati dari UiTMS kepada Jurutera Oliver Ngabung dari Bhg. Bekalan Air, JKR Bhg.Sri Aman di akhir lawatan tersebut.)

Ini memandangkan permintaan air bersih di kawasan Sri Aman dan sekitarnya telah kian meningkat.

Di akhir lawatan, pensyarah pengiring telah menyampaikan cenderamata dari pihak UiTM Negeri Sarawak kepada Jurutera Oliver Ngabung yang menerimanya bagi pihak Loji Air Bayai dan JKR Bhg Sri Aman. Lawatan ke loji tamat sekitar jam 1.10 tengahari.

Sememangnya lawatan ini amat bermanfaat kepada para pelajar kerana pendedahan yang telah diberikan dalam asasnya sama tapi secara khususnya berbeza dari satu loji ke loji yang lain. (Untuk rekod, sebelum ini pelajar - pelajar Diploma Bangunan FSPU telah dibawa melawat ke Loji Air Batu Kitang pada 15/2/2006 dan Loji Air Asajaya pada 11/9/2006 sebagai keperluan dalam Kursus BLD193 (Perkhidmatan Bangunan I))

PROGRAM RAKAN MUDA WAWASAN DESA IPTA BAHAGIAN KUCHING 2007



Oleh: Wan Samiati Andriana Wan Mohd-Daud

Seramai 41 orang pelajar diiringi oleh 2 orang pensyarah dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka telah menyertai program ini. Program ini telah dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Pejabat Daerah Kuching dengan kerjsama UiTM serta penduduk Kampung Bako ini telah diadakan pada pada 17 hingga 19 Ogos 2007. Program ini bertujuan untuk mendekatkan mahasiswa Semenanjung dan Sabah khasnya dengan masyarakat setempat terutama dari kawasan luar bandar sambil menyemai bakti khidmat sosial mahasiswa kepada penduduk tempatan. Ia juga bertujuan untuk mendidik belia setempat dalam aktiviti- aktiviti kesukarelawan dan program khidmat sosial yang lebih tersusun. Kesemua 41 orang pelajar diserahkan kepada 10 buah keluarga untuk dijadikan sebagai keluarga angkat. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah acara suaikenal, misi akademik, membersihkan kawasan kubur, sukaneka bersama penduduk kampung, malam kebudayaan serta bicara bersama pemimpin. Program Rakan Muda Wawasan Desa IPTA ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Helmi Hazmi, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sarawak, En.Mohd Mazlan Anis, Pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan, Pejabat Daerah Kuching, Tuan Hj. Mat bin Keri, Penghulu Kampong Bako serta Tuan Hj. Ajus bin Sirat, Ketua Kaum Kampung Bako.

CLEANING Campaign & the academic visit

AT RANCHAN POOL SERIAN

Oleh : Hj. Saudi

The Bachelor of Administrative Science Students Club (BASiS) of UiTM SARAWAK has jointly organized with Serian District Council the cleaning campaign at Ranchan Recreational Park, Serian on Saturday 18th August 2007. The activity was organized in conjunction with Merdeka celebration under the "Kempen Kebersihan Nasional 2007".

In his welcoming speech prior to the campaign, the Secretary of Serian District Council, Mr Phang Joon Foong appreciated the move by UiTM Students for being aware of the needs to work together in keeping the environment clear and jointly putting an effort to make Ranchan Pool as a popular tourism attraction site. Mr Phang Joon Foong stressed that the co-operation of the public is vital to maintain sustainable development at any tourism spot.

The people must be aware of the importance of cleanliness and not to liter as well as vandalizing the facilities provided by the Council.

The UiTM students were from the Faculty of Administrative Science and Policy Studies headed by the Club's President, Encik Rody ak Bunsu and project leader, En. Mclester Banta ak Ngelai. The Head of Program, Tuan Haji Saudi bin Haji Narani, who also spoke to the students during the function mentioned the needs for students to be aware of the challenges



RETREAT BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

Oleh : M.Hasimi Abdullah

Retreat kali ini telah diadakan di Santubong Resort, Kuching pada 5 hingga 7 Jun 2007. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof Madya Dr Jamil Hj. Hamali dengan penyertaan staf seramai 30 orang. Program yang berlangsung selama 3 hari ini adalah bertujuan untuk membaikpulih dan menaiktaraf perkhidmatan di bahagian Hal Ehwal Akademik. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti ceramah yang telah disampaikan oleh Prof Madya Dr. Hjh Fatimah Bujang mengenai Pembasmian Dalam Sistem Pembaziran , Dr Kuldip Singh yang bertajuk *Revisiting KPI* dan seterusnya taklimat oleh PM Iris Syawe Seh Ling yang menyentuh mengenai *Value Analysia & PDCA Cycle*. Program ini juga lebih menjurus kearah semakan agihan tugas, objektif bahagian, misi dan visi bahagian termasuk piagam pelanggan diketuai oleh Penolong Pendaftar HEA. Perlaksanaan program ini telah berakhir dengan jayanya.

Bengkel Semakan *kurikulum IDA* CITU UiTM Sarawak

Oleh Che Bakar Che Mat

UiTM SARAWAK sekali lagi menjadi tumpuan apabila dipilih menjadi tuan rumah bagi Bengkel Penyemakan Kurikulum subjek IDA dari 12 hingga 14 Jun 2007. Bengkel yang diadakan selama tiga hari itu dihadiri oleh seramai empat puluh peserta dari semua cawangan UiTM dan juga Kolej Bersekutu. Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh En. Abdul Jalil Lob, Timbalan Pengarah HEP yang mewakili Tuan Pengarah Kampus.

Bengkel yang telah diadakan selama tiga hari itu telah selesai menyiapkan kandungan silibus bagi kod-kod baru yang telah disesuaikan mengikut keperluan semasa selaras dengan aspirasi universiti. Silibus baru ini akan dilaksanakan sebaik sahaja mendapat kelulusan dari senat universiti

Majlis penutupan Bengkel ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah CITU, Ustaz Ramawan Ab. Rahman. Di dalam ucapan penutupan, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada UiTM SARAWAK di atas kemudahan yang telah disediakan sepanjang bengkel berjalan. Beliau juga kagum dengan semangat berpasukan yang telah ditunjukkan oleh warga CITU UiTM SARAWAK.

---

faced by local government administrators in facing the problems, and advised the students to be prepared with knowledge and skills of local governance. Tuan Haji Saudi, who was former Secretary of Serian District Council (1995-2002) is now a senior lecturer of UiTM Sarawak and was also the former Deputy President of Betong prior to joining UTM in 2005.

Late in the afternoon, about thirty of the first year Bachelor Degree students attended the briefing by Mr. Phang on the development and functions of Serian District Council at Dewan Kuliah at Ranchan Recreational Park. Mr. Thomas Rambli Suttu, the Head of Public Health Sector was also present. Encik Abang Yusuf bin Abang Spawi, the Bachelor Administrative Science in Sarawak (BASiS) club advisor also attended the student's function later in the evening.







PROGRAM BERKAMPUNG PELAJAR TINGKATAN 5 DI UiTM SARAWAK

Oleh : Nur Aida Kipli

Program Perkampungan Tingkatan 5 diadakan setahun sekali di kampus Samarahan dengan penyertaan tahun ini sebanyak 10 buah sekolah dari sekitar Bandar dan luar bandar Kuching. Seramai 50 orang pelajar lelaki dan 81 orang pelajar perempuan yang menyertai program kali ini. Program ini telah dibantu oleh 5 orang pelajar sebagai pembantu fasilitator.

Para peserta telah ditempatkan di Kolej Sri Gading iaitu asrama pelajar perempuan. Manakala, guru pengiring mereka juga disediakan penempatan di kolej untuk memudahkan segala aktiviti pemantauan dan penyelarasan.

Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang pada 7 Jun 2007 di Dewan Jubli UiTM Negeri Sarawak dengan dihadiri oleh def-def kehormat seperti YB Abdul Wahab Aziz Yang Dipertua MITSA, YB Prof Madya Dr Hajjah Fatimah Bujang, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan YBhg. Prof Madya Dr. Morni bin Kambrie.

Pelbagai aktiviti yang telah dikendalikan sepanjang program perkampungan tersebut yang melibatkan penglibatan pensyarah serta staf pentadbiran UiTM negeri Sarawak. Antaranya adalah:

1) Program Bahasa Inggeris yang telah dikendalikan oleh Akademi Pengajian Bahasa. Seramai 13 pensyarah bahasa yang terlibat

2) Program Sains yang telah dikendalikan oleh Fakulti Sains Gunaan. Seramai 10 orang pensyarah sains dari pelbagai bidang yang terlibat

3) Program Matematik dari Fakulti Teknologi Maklumat & Sains Kuantitatif (Matematik) dengan penglibatan pensyarah seramai 10 orang.

4) Program riadah dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi

5) Program Latihan dalam Kumpulan dari Unit Kaunseling

6) Ceramah motivasi oleh penceramah jemputan iaitu Prof Madya Dr. Morni bin Kambrie

Secara keseluruhannya, kerjasama diberikan oleh semua pihak telah memberi impak yang positif kepada para pelajar agar terus berusaha dalam menuju kejayaan. Ini membuktikan bahawa program sebegini dapat menyuntik semangat anak-anak Bumiputera untuk terus maju dalam mencapai objektif kehidupan dan untuk cemerlang dalam menghadapi peperiksaan SPM yang bakal menjelang. Walaubagaimanapun masih ada lagi ruang-ruang untuk penambahbaikan bagi mempertingkatkan kualiti perlaksanaan program untuk masa hadapan.







Sepintas Lalu...

Aktiviti Sepanjang Tahun 2007





Pembentangan Anugerah Kualiti Naib Canselor





Aktiviti bersama pelajar

Sepintas Lalu...

Aktiviti Sepanjang Tahun 2007





Rumah Terbuka KEKITA - PEWANI

Konferensi Akademik 2007











Retreat Ketua dan Koordinator Program







Majlis Makan Malam Kursus Asas Keusahawanan Siswazah

Majlis Pelancaran Semarak Bulan Kemerdekaan







Majlis Perasmian Penutupan MMS sesi Julai - November 2007

Prof. Madya Dr. Jamil bersama pelajar-pelajar dengan pakaian tradisi Sarawak



Malam Pra-Graduan Sesi November 2007



A Happy and Prosperous New Year to All



UiTM Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak.
Tel: 082 - 677 200 Telefax: 082 - 677 300
email: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com